

**Yang di-Pertuan Agong Berangkat Ke Malam Gala Diraja Seni Persembahan  
Bernama  
13 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berkenan berangkat ke Malam Gala Diraja Seni Persembahan di sebuah hotel terkemuka di sini Isnin malam.

Turut berangkat ialah anakanda baginda Tunku Puteri Intan Safinaz (Ahli Jemaah Pemangku Sultan Kedah).

Keberangkatan tiba Seri Paduka berdua pada 8.20 malam disambut oleh Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim dan isteri Datin Seri Masnah Rais serta Ketua Setiausaha kementerian Datuk Seri Kamaruddin Siaraf.

Pada majlis itu, Tuanku Abdul Halim turut berkenan menyampaikan penghargaan Anugerah Seni Sepanjang Hayat kepada pelakon antarabangsa kelahiran Malaysia iaitu Datuk Michelle Yeoh di atas penglibatannya yang membanggakan negara di peringkat dunia.

Sementara itu Rais dalam ucapannya menyeru agar semua pihak bekerjasama dan memberi sumbangan sebagai mendokong memartabatkan industri seni dan budaya negara.

Beliau berkata penganjuran majlis itu di bawah Program Pemangkin Jangka Pendek Seni Persembahan Makmal Industri Kreatif Negara bertujuan mengutip dana bagi membantu membiayai sektor seni persembahan melaksanakan aktiviti secara berterusan.

Rais berkata sektor swasta diberi mandat menganjurkan majlis itu sebagai jalinan kerjasama terbaik antara pihak kerajaan dan swasta untuk menggalakkan lagi pelaburan sektor tersebut kepada pembangunan seni persembahan.

Beliau berharap penganjuran majlis sedemikian dapat meningkatkan lagi profil seni persembahan agar sektor swasta sedar akan kepentingan seni persembahan sebagai landasan bagi mempromosikan matlamat dan penjenamaan syarikat mereka.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=708905>